

قتین قیتہ

PETIKAN TITAH

"MAKA ke arah ini, generasi belia perlu celik teknologi terkini, kemahiran teknik dan vokasional serta mempunyai basic keusahawanan selaras dengan kehendak pembangunan negara. Beta juga menggalakkan supaya generasi belia menyertai organisasi atau aktiviti sukarela yang dapat memupuk gaya hidup yang sihat, cergas dan dinamik. Amalan ini tidak diragukan lagi dapat menghasilkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti." - Titah sempena Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara Ke-8 Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلیة

مانیسن ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN ingatlah wahai Muhammad, ketika Kami mengambil janji setia dengan Bani Israil dengan berfirman : "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapa." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 38.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 138

18 NOVEMBER 2017 / 1439 29 صفر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berangkat ke Majlis Santap Malam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan begambar ramai ketika berangkat ke Majlis Santap Malam yang disembahkan oleh Pegawai-Pegawai ABDB Bersara. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

JERUDONG, Jumaat, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang


Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang disembahkan oleh Pegawai-Pegawai ABDB Bersara sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Oleh : Nooratini Haji Abas

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. **Ke muka 3**

Brunei - Oman tingkatkan komitmen kukuh kerjasama



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said Al-Said, Sultan Oman dan kerajaan serta rakyat Kesultanan Oman bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzahirkan penghargaan yang mendalam terhadap hubungan persahabatan dan kerjasama yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing dan seterusnya berharap akan terus mempertingkatkan komitmen bersama dalam memperkukuhkan hubungan yang amat bernilai dan penting ini.

Pada mengakhiri titah perutusan tersebut, Kebawah DYMM berdo'a ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM Sultan Qaboos bin Said-Al-Said akan sentiasa berada dalam perlindungan Allah, sihat walafiat dan kegembiraan dan rakyat Kesultanan Oman akan menikmati kemajuan dan kemakmuran.

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

Pupuk masyarakat celik kewangan

Assalamu'alaikum
 Warahmatullahi Wabarakatuh
 Bismillaahir Rahmaanir Raheem
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
 Wassalaatu' Wassalaamu
 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
 Sayyidina Muhammaddin,
 Wa'ala Aalihee Wasahbihee
 Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan limpah kurnia-Nya kita dapat mengadakan Mesyuarat Pertama Majlis Kebangsaan Celik Kewangan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyebarkan menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis paduka ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah berkenan bagi pelantikan saya sebagai Penaung Majlis ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli majlis ini di atas pelantikan masing-masing.

Penubuhan majlis ini adalah tepat pada masanya dalam memberikan hala tuju kepada pembentukan strategi-strategi yang berdaya maju dan bermakna yang menjurus kepada merealisasikan salah satu matlamat wawasan kita, iaitu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat, khususnya dari segi kestabilan kewangan.

Pendidikan celik kewangan melalui kemahiran-kemahiran dan pengetahuan, tidak syak lagi, berupaya membantu seseorang dalam membuat keputusan yang tepat dan efektif terhadap berkaitan sumber kewangannya.

Menurut The Organisation for Economic and Co-operation and Development (OECD), pendidikan kewangan adalah penting bagi kedua-dua negara sedang membangun dan maju.

Bagi negara yang sedang pesat membangun, pengguna-pengguna yang berpengetahuan tentang kewangan boleh membantu sektor kewangan dalam memberikan sumbangan yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi sebenar, termasuklah pengurangan kemiskinan. Manakala bagi negara-negara maju, pendidikan kewangan mampu mempengaruhi pengurusan kewangan individu, misalnya dari sudut simpanan persaraan atau bagi mengelakkan daripada hutang yang berlebihan.

Ini adalah selaras dengan titah paduka ayahanda bersempena Tahun Baharu 2012, yang mana menekankan amalan berjimat cermat sebagai kunci kepada kestabilan dan kemakmuran, sama ada di peringkat kerajaan, isi rumah, mahupun individu, dan sebagai asas kepada *survival* ekonomi negara. Sebaliknya, berbelanja besar



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, Penaung Majlis Kebangsaan Celik Kewangan pada Mesyuarat Pertama Majlis Kebangsaan Celik Kewangan 2017, pada Selasa, 25 Safar 1439 Hijrah bersamaan 14 November 2017 Masihi, di Bilik Mesyuarat Aras 1, Hala Barat Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan.

di luar kemampuan seseorang akan membawa kepada tragedi pahit.

Oleh itu, memupuk budaya berhemah dan menabung di kalangan masyarakat kita hendaklah dijadikan fokus utama majlis ini.

Setakat ini, Alhamdulillah, negara telah mencapai permulaan yang baik. Saya mengambil maklum bahawa nisbah pembiayaan tertunggak bagi isi rumah telah meningkat baik pada 1.9 peratus pada Suku Kedua 2017, berbanding dengan 3.3 peratus pada tahun 2010.

Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkembangan regulatori dan penambahbaikan infrastruktur kewangan di dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, masyarakat yang mempunyai asas pengetahuan kewangan yang kukuh masih diperlukan mengimbangi penambahbaikan-penambahbaikan berkenaan.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh pihak AMBD dengan kerjasama Pusat Kajian Dasar dan Strategik (CSPS) pada tahun 2015 yang mana telah mendapati beberapa jurang yang perlu ditangani.

Kajian tersebut telah mendapati 34 peratus responden isi rumah tidak mempunyai sebarang bajet; dan bagi responden individu, 49 peratus tidak menyimpan secara aktif; manakala 24 peratus memerlukan pinjaman untuk

membiayai perbelanjaan harian.

Saya difahamkan bahawa antara tugas-tugas majlis ini adalah untuk menjalankan kajian secara kerap untuk memantau petunjuk-petunjuk penting ini dan mengemukakan atau melaksanakan tindakan-tindakan ke hadapan yang bersesuaian.

Saya berharap melalui usaha-usaha sedemikian, kita akan dapat melihat peningkatan yang lebih baik di dalam statistik tersebut, dan memberikan kesan positif terhadap kehidupan rakyat apabila mereka mampu membuat pilihan kewangan yang lebih baik, lebih tepat dan bertanggungjawab.

Walaupun pendidikan kewangan merupakan penyelesaian yang berdaya maju, namun pengetahuan itu sendiri tidak semestinya merubah kepada tingkah laku yang positif. Ini terbukti berdasarkan kajian AMBD - CSPS yang mendapati rakyat Brunei mencatatkan sikap kewangan yang tinggi tetapi tidak dilihat daripada tingkah laku berkaitan kewangan mereka.

Manusia sememangnya mudah didorong oleh firasat yang boleh menyebabkan tingkah laku yang melulu dan kurang kawalan diri. Oleh itu, di dalam membangunkan strategi celik kewangan negara dan melaksanakan program-program kesedaran yang meliputi sasaran yang berbeza, kita hendaklah mengambil kira dan menangani aspek-aspek berkaitan hal ehwal tingkah laku dan psikologi.

Dengan berbuat demikian, kita dapat meningkatkan keberkesanan inisiatif tersebut dan mendorong orang ramai ke arah membuat pilihan yang lebih memberikan manfaat terbaik bagi kesejahteraan serta membina kemampunan kewangan mereka.

Majlis ini juga perlu untuk melihat kepada mengimbangi pendidikan bersama dengan kaedah-kaedah berkaitan dasar, contohnya, peraturan yang bersesuaian atau produk kewangan yang memenuhi keperluan khusus sesetengah kumpulan-kumpulan individu.

Bagi mengakhiri, majlis ini mempunyai tugas penting di dalam memupuk masyarakat celik kewangan. Saya juga mengambil maklum bahawa tidak ada penyelesaian mudah terhadap pelbagai cabaran yang mungkin dihadapi oleh majlis ini dalam usaha mereka.

Namun, saya yakin bahawa dengan ketekunan, komitmen dan dengan menanamkan sikap kesungguhan dan keperluan setiap masa, kita akan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan oleh majlis ini selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

18 NOVEMBER 2017 BERSAMAAN 1439 29

TINGKAT KESEDARAN BAHAYA DIABETES

SAMBUTAN Hari Diabetes Sedunia yang diadakan pada 14 November baru-baru ini dengan tema 'Wanita Dan Diabetes - Hak Kita Untuk Masa Depan Sihat' (Women And Diabetes - Our Right To A Healthy Future) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya diabetes dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan wanita.

Penyakit diabetes adalah penyakit kronik yang membimbangkan negara kerana ia merupakan penyebab utama kematian ketiga selepas kanser dan penyakit jantung. Pada tahun 2016, seramai 422 juta daripada penduduk dunia yang berumur lebih daripada 18 tahun ke atas adalah penghidap penyakit diabetes. Daripada jumlah ini, 199 juta daripada mereka adalah wanita. Sementara itu, menjelang 2040, dianggarkan 313 juta wanita akan mengalami diabetes. Manakala data tinjauan terakhir Kementerian Kesihatan dari tahun 2016 menunjukkan bahawa wanita di Negara Brunei Darussalam berisiko tinggi menghidap diabetes berbanding lelaki dengan 10.3 peratus adalah wanita, berbanding 9.1 peratus adalah lelaki.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, dua daripada setiap lima wanita yang menghidap diabetes adalah dari usia reproduktif. Wanita yang menghidap diabetes mempunyai risiko yang lebih tinggi mendapat komplikasi yang berkaitan dengan kehamilan seperti keguguran, pra-eklampsia (suatu keadaan di mana tekanan darah meningkat dan menyebabkan kerosakan organ), kelahiran mati (anak damit yang lahir mati), dan anak damit yang dilahirkan cacat. Semasa mengandung, wanita-wanita ini mungkin mengalami penyakit mata diabetes yang semakin teruk dan mengalami penyakit buah pinggang.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menjelaskan bahawa kencing manis yang berlaku semasa mengandung dalam kalangan wanita yang tidak menghidap kencing manis (*gestational diabetes*), wanita-wanita ini dinasihatkan untuk menjalani pemeriksaan kencing manis tahunan selepas melahirkan dan bagi mengekalkan gaya hidup sihat walaupun kencing manis itu hilang selepas bersalin. Perkara ini membantu mengurangkan risiko diabetes jenis 2.

Di samping itu, dengan meningkatnya kadar diabetes, mereka yang berisiko perlulah aktif mengamalkan gaya hidup sihat. Sebanyak 70 peratus kes diabetes jenis 2 boleh dicegah dengan pemakanan sihat, aktif secara fizikal dan mengekalkan berat badan normal. Selain itu, penurunan berat badan sekurang-kurangnya 7 peratus boleh mengurangkan risiko mendapat diabetes jenis 2.

Berdasarkan tema 'Wanita Dan Diabetes - Hak Kita Untuk Masa Depan Sihat', jelas Yang Berhormat, ia menggalakkan akses yang saksama untuk semua wanita yang berisiko atau yang menghidap diabetes kepada ubat-ubatan, teknologi, pendidikan pengurusan diri dan maklumat yang membolehkan mereka untuk mencapai hasil optimum diabetes serta mampu mencegah diabetes jenis 2.

Di Negara Brunei Darussalam, kita amat bertuah dan bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan kemudahan yang sama kepada mana-mana perkhidmatan perubatan untuk semua rakyat tanpa mengira jantina.

Oleh yang demikian, semua individu adalah diseru agar menyertai Kementerian Kesihatan dalam usaha untuk mengurangkan bahaya akibat diabetes. Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk kerajaan, sektor bukan kerajaan dan ahli kumpulan sokongan untuk terus melibatkan diri dengan pesakit dan orang ramai dalam mencegah, mengawal dan merawat kencing manis di negara ini. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
32 24 °C	32 24 °C	32 24 °C
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C

Wallaahuallam Bissawab | Tallian Cuaca | Brunei WX App | 114 | www.met.gov.bn

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi NOVEMBER	HARI	Hijrah SAFAR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	SABTU	29	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
19	AHAD	30	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15
20	ISNIN	1 RABIULAWAL	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.29	6.02	7.15
21	SELASA	2	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.03	7.16
22	RABU	3	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16
23	KHAMIS	4	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16
24	JUMAAT	5	4.39	4.49	6.11	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK | JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC 123 | 2380214

Berangkat ke Majlis Santap Malam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jeneral ABDB ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Pegawai-Pegawai ABDB Bersara sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta (atas). Sementara gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dari muka 1 Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, selaku Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis dalam sembah alu-aluannya.

Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jeneral ABDB.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung dan berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis.

Kebawah DYMM dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menandatangani Lembaran Tanda Kenangan.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan menandatangani Lembaran Tanda Kenangan.

Keberangkatan masuk Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTM di Dewan

Royal Berkshire diiringi oleh Kumpulan Serunai dari ABDB dan disusuli dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 4



SEBAHAGIAN pegawai bersara ABDB yang hadir pada Majlis Santap Malam tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang disembahkan oleh Pegawai-Pegawai ABDB Bersara sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB.

Dari muka 3

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri

Baginda Raja Isteri seterusnya menerima pesambah khas yang disembahkan oleh pegawai-pegawai bersara ABDB.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit selaku Ahli

Jawatankuasa Tertinggi Majlis dalam sembah alu-aluannya merafak sembah sebanyak-banyak menjunjung kasih di atas perkenan baginda serta kerabat diraja bercemar duli pada Majlis Santap tersebut.

Menurut YAM, seramai 654 pegawai yang berumur di antara 35 hingga ke 77 tahun telah pun bersara dari perkhidmatan yang mana daripada jumlah tersebut seramai 29 pegawai adalah pegawai askar wanita.

Di atas perkenan Kebawah DYMM, beberapa pegawai bersara jelasnya, telah dilantik menjadi Menteri Kabinet, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Duta-Duta dan Pesuruhjaya Tinggi serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Kepercayaan baginda terhadap kebolehan mereka yang dilantik itu katanya, adalah satu penghormatan yang tinggi kepada mereka yang telah bersara.

"Patik penuh yakin bahawa rakan-rakan yang lainnya dapat memberikan perkhidmatan berterusan kepada negara ini terutama di bidang

kemasyarakatan," ujarnya.

Dalam kesempatan itu, YAM juga mewakili para pegawai bersara ABDB serta isteri-isteri turut menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta.

Ini tambahnya, adalah satu peristiwa negara yang penuh bersejarah dan sudah setentunya akan menjadi ristaan sepanjang zaman.

"Abis patik seterusnya memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM berserta ahli kerabat diraja dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan dan keafiatan serta taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTMM berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai ABDB yang bersara bersama isteri.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyaksikan potret pegawai-pegawai ABDB yang bersara (atas sekali), sementara gambar atas, Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai ABDB yang bersara bersama isteri. Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Santap Malam tersebut.



Brunei - Kuwait tingkatkan hubungan dua hala



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib ketika mengadap His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of Kuwait.



YANG Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman ketika mengadakan kunjungan hormat kepada His Highness Sheikh Jaber Al-Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait.



YANG Di-Pertua MMN mengadakan kunjungan muhibah kepada Speaker of the Kuwait National Assembly, Tuan Yang Terutama Marzouq Al-Ghanim.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

KUWAIT, Rabu, 15 November. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib atas undangan daripada Yang Di-Pertua Kuwait National Assembly mengadakan lawatan rasmi ke Kuwait berserta dengan empat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Lawatan selama empat hari itu bermula 12 hingga 15 November. Yang Berhormat dan rombongan diperkenankan mengadap His Highness Sheikh

Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of Kuwait.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Pada Majlis Mengadap, kedua-dua negara membincangkan hubungan akrab yang sedia ada. His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah turut mengucapkan tahniah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas Sambutan Jubli Emas baginda Menaiki Takhta.

Pada akhir Majlis Mengadap

tersebut, His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah mengharapkan lawatan kerja rombongan akan berjalan lancar serta membuahkan hasil.

Yang Berhormat dan rombongan juga mengadakan kunjungan hormat kepada His Highness Sheikh Jaber Al-Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait bagi membincangkan isu-isu kerjasama dua hala yang sedia terjalin.

Dalam kunjungan muhibah bersama Speaker of the Kuwait National Assembly, Tuan Yang Terutama Marzouq Al-Ghanim itu, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk sama-sama memberikan bantuan buah fikiran dan tenaga serta bertukar-tukar lawatan kerja di antara kedua-dua buah Parlimen, Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam dan Kuwait National Assembly.

Yang Berhormat juga mengadakan kunjungan muhibah kepada His Highness Sheikh Nasser Al-Mohammed Al-Ahmad Al-Jaber Al-Mubarak Al-Sabah, mantan Perdana Menteri Kuwait (2006 - 2011) di kediaman His Highness Sheikh Nasser Al-Mohammed Al-Ahmad Al-Jaber Al-Mubarak Al-Sabah.

Kunjungan muhibah seterusnya ialah kepada Chairman of Kuwait Chamber of Commerce & Industry, TYT Ali Mohammed Thunayan Al-Ghanem, di mana pihak Kuwait tertarik untuk menerokai peluang pelaburan di Negara Brunei Darussalam.

PGGMB raikan Majlis Khatam sempena Jubli Emas Kebawah DYMM



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran.



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

SUNGAI AKAR, Jumaat, 17 November. - Bersempena memperingati Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang dilangsungkan di Dewan Sekolah PGGMB, Kampung Sungai Akar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Seramai 370 peserta mengikuti Majlis Khatam berkenaan terdiri daripada ahli-ahli PGGMB, keluarga-keluarga ahli, guru-guru sekolah PGGMB serta peserta jemputan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan guru-guru dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis disusuli dengan bacaan Khatam Al-Quran, bacaan Tahtim dan Tahliil beramai-ramai.

Seterusnya, majlis diikuti dengan Doa Khatam serta Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis yang diadakan bagi merafakkan kesyukuran rakyat dan penduduk di negara ini ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah dan kurnia-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam aman sejahtera di bawah kepimpinan bijaksana baginda.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU; Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad; Jawatankuasa Tertinggi dan Tadbir PGGMB serta para pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan KHEU.

12 peserta mara ke Musabaqah Al-Quran Peringkat Akhir

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Seramai 12 peserta, iaitu enam qari dan enam qariah diumumkan terpilih untuk bertanding ke Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M.

Para peserta finalis qari terdiri daripada Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili; Awang Haji Mohd. Fikri bin Haji Metussin; Awang Mohammad bin Ali; Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya; Awang Haji Mohd. Albi bin Haji Ibrahim dan Awang Mohammad Zul Hafiz bin Awang Tengah.

Sementara finalis qariah terdiri daripada Dayang Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marzuki; Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran; Dayang Hajah Nurhapidzah binti Haji Hassan; Dayang Siti Zahrina binti Abdul

Wahab; Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman dan Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri.

Pengumuman tersebut disampaikan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali pada majlis yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat yang juga seterusnya menyampaikan cenderamata kepada qari dan qariah pada musabaqah tersebut.

Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh salah seorang peserta qari dan qariah yang terpilih.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Terdahulu, Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Awang Haji Mazneh bin Haji Md. Noor dalam ucapan alu-aluannya mengucapkan tahniah kepada para peserta yang berjaya ke peringkat akhir nanti dan seterusnya menyarankan agar mereka terus berusaha lebih gigih bagi meningkatkan mutu bacaan masing-masing.

Bagi mereka yang tidak berjaya, beliau menasihatkan supaya meneruskan usaha serta meningkatkan mutu bacaan masing-masing bagi memperoleh kejayaan pada masa-masa akan datang.

Terdahulu, pada sebelah pagi, 14 peserta memperdengarkan bacaan masing-masing.

Majlis diunggayahkan dengan kerjasama Bahagian Kemajuan Syiar Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (kanan) menyampaikan cenderamata kepada seorang peserta qari yang bertanding pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan tersebut.

Tiga strategi teras dukung matlamat Wawasan Brunei 2035



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Sesi Muzakarah bagi Kementerian Perhubungan bersama-sama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).



MAJLIS disusuli dengan ucapan daripada ketua rombongan Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan program yang diunggayahkan di bawah Kementerian Perhubungan bagi kepentingan rakyat serta penduduk di Negara Brunei Darussalam, satu Sesi Muzakarah bersama-sama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diadakan di Bilik Mesyuarat

Al-Mahabbah, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, di sini.

Seramai 13 Ahli MMN menghadiri Sesi Muzakarah tersebut yang diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Terdahulu Ahli-ahli MMN menyertai sesi bergambar ramai bersama Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Pemangku Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan dan pihak berkuasa serta pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut.

Sesi Muzakarah dalam suasana muhibah tersebut dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah juga Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa, Brunei.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan dalam ucapan

alu-aluannya, menyentuh mengenai peranan Kementerian Perhubungan dalam sektor perhubungan dan pengangkutan untuk memudah cara pergerakan manusia, perkhidmatan, barangan serta maklumat yang akan membuka peluang perniagaan dan seterusnya menyumbang pada peningkatan aktiviti perekonomian negara juga kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Di samping itu, Kementerian Perhubungan juga jelas Yang Berhormat, sangat menitik-

beratkan usaha dalam memperkembangkan kesaling-hubungan (*connectivity*), yang bukan hanya boleh menghubungkan destinasi-destinasi di dalam negara malah ke destinasi global.

Sesi Muzakarah diisikan dengan taklimat berkaitan Kementerian Perhubungan, yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi yang menyentuh mengenai tiga strategi teras di bawah Perancangan Strategik Kementerian Perhubungan bagi tahun 2018 - 2022, iaitu, (i) Customer Centered Development yang memfokuskan pada Affordability, Accessibility dan Inclusiveness (ii) Policy Review As Enabler to Ensure Sustainability and Conducive Environment for Growth, dan (iii) Technology - driven Development, Research and Development (R&D) and Infrastructure to Achieve Efficiency and Effectiveness.

Ketiga-tiga strategi teras ini, tegas Dr. Awang Haji Supry, diharap dapat mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Turut hadir pada Sesi Muzakarah tersebut ialah pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan dan pihak berkuasa serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Perhubungan.



Terima kunjungan hormat Duta Besar Republik Rakyat China

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Pegum Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh menerima

PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Yang Jian.

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Yang Jian, di Bangunan Undang-Undang, di sini.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Yang Berhormat Peguam Negara dan Puan Yang Terutama bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai perkembangan perundangan di dalam kedua-dua negara juga

membincangkan kerjasama yang berpotensi di antara kedua-dua negara dalam bidang perundangan.

PYT juga mengakui peranan Pejabat Peguam Negara dalam kesudahan perjanjian-perjanjian di antara kedua belah pihak.

Turut hadir semasa kunjungan hormat tersebut ialah pegawai-pegawai kanan di Pejabat Peguam Negara.

Tingkatkan pengetahuan Konvensyen Hak Kanak-Kanak



Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Sempena dengan Sambutan

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff merasmikan Forum Kanak-kanak Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar bawah, majlis turut diserikan dengan persembahan tarian dari penuntut-penuntut Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana.

Hari Kanak-Kanak Sedunia yang diratifikasikan oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak sejak 27 Disember 1995, Forum Kanak-Kanak Brunei Darussalam selama dua hari diadakan bermula 15 hingga 16 November dengan tema 'Kanak - Kanak Cemerlang, Negara Gemilang'.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikannya ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd.

Yusoff yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah 50 pelajar Tahun 9 dan 10 dari sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta.

Acara diisikan dengan penyampaian ucapan daripada Wakil Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) dan Wakil Istimewa UNICEF bagi Negara Brunei Darussalam, Marianne Clark-Hattingh mengenai gabungan artikel 5 (bimbingan ibu bapa / penjaga / *parental guidance*), artikel 17 (membolehkan untuk mendapat maklumat melalui media massa) dan artikel 29 (matlamat pendidikan) di bawah Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

Forum yang dianjurkan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Authority for Information Technology Industry (AiTi) Brunei Darussalam tersebut, antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan khususnya kepada kanak-kanak mengenai Konvensyen Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child - CRC) dan orang ramai secara amnya.

Selain itu, ia juga untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak bagi menyuarakan pandangan mereka yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam menyediakan dasar dan program yang melibatkan kanak-kanak.



Lawatan mengejut pastikan harga barangan terkawal

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

TEMBURONG, Rabu, 15 November. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini mengadakan lawatan mengejut ke premis-premis perniagaan di Daerah Temburong.

Lawatan mengejut itu merupakan kesinambungan pada lawatan-lawatan sedemikian ke seluruh daerah di negara ini, dengan objektif utama bagi memastikan harga barangan terkawal di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, termasuk harga minyak masak dan susu tepung berformula, tidak melebihi harga maksima yang ditetapkan. Manakala, beras untuk tidak dijual melebihi harga subsidi yang ditetapkan. Lawatan juga dihasratkan untuk memastikan pematuhan terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparanda Harga) yang memerlukan barangan dijual untuk dipamerkan tanda harga dengan jelas.

Lawatan mengejut diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad.

Semasa lawatan mengejut

tersebut, sebanyak lima premis perniagaan didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti melebihi harga maksima bagi minyak masak, beras dan gula; menjual minyak masak melalui pembekalan yang tidak diketahui sumbernya dan yang tidak membuat permohonan penetapan harga maksima ke JPKE.

Syarikat perniagaan juga dinasihatkan agar sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya kerana kegagalan dalam mematuhi akta berkenaan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000; denda sebanyak BND5,000 dan penjara dua (2) tahun oleh mahkamah; atau denda sebanyak BND20,000 dan penjara lima (5) tahun bagi kesalahan berulang oleh mahkamah.

Semasa lawatan tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala turut menerangkan kepada pemilik-pemilik perniagaan mengenai 22 barangan yang disenaraikan di dalam akta sebagai barangan yang dikawal harga.

Barangan tersebut adalah Beras (Thai Hom Mali, beras Thai, dan Beras Pulut); Gula (putih, halus, pasir, tebu dan bijian halus); Tepung Gandum; Susu Tepung Berformula; Susu (pekat dan cair); Rokok dan Tembakau; Motor Gasoline Premium 97; Motor Gasoline Super 92; Motor Gasoline Regular 85; Minyak Gas Automatif (minyak Diesel); Kerosin Dua Tujuan; Gas Petroleum Cecair; Minyak Masak (kanola, jagung, palma, sayur, bunga matahari dan kacang soya); Bar Tetulang; Pasir; Batu (agregat ¾); Simen; Bitumen; Asfalt; Konkrit Siap Campur; Bata (tanah liat); dan Kenderaan bermotor Penumpang.

JPKE menetapkan harga maksima bagi empat jenis barangan, iaitu minyak masak, susu tepung berformula, kenderaan bermotor penumpang dan bata tanah liat. Harga barangan asasi yang lain seperti beras dan gula adalah ditetapkan oleh Bahagian Perbekalan dan Stor, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Barangan yang tersenarai di dalam akta ini akan dikaji dari semasa ke semasa.

Barangan selain daripada yang disenaraikan dalam Akta Kawalan Harga adalah untuk ditentukan oleh peniaga sendiri melalui bekalan (*supply*) dan permintaan (*demand*) dalam pasaran.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad semasa mengetuai lawatan mengejut ke premis-premis perniagaan di Daerah Temburong.

Bagi mendapatkan nilai harga terbaik, pengguna digalakkan untuk mengamalkan konsep 'Pengguna Bijak', iaitu dengan membuat perbandingan harga terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pembelian.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, orang ramai dinasihatkan untuk berhubung terus dengan JPKE melalui aplikasi mudah alih Pengguna Bijak / SmartConsumer

atau melalui e-mel aduanpengguna@jpke.gov.bn atau consumercomplaint@jpke.gov.bn; Facebook www.facebook.com/AduanPengguna-JPKE atau berhubung terus ke pejabat JPKE : Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, Bilik 3.06, Tingkat 3, West Wing, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BA1131, Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan rombongan Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia bincang pelbagai isu



SETIAUSAHA Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar (tiga, kiri) semasa sesi dialog bersama Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia.



ROMBONGAN Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia diketuai oleh Ahli Parlimennya, Yang Berhormat Rieke Diah Pitaloka (tiga, kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 November. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat menerima kunjungan daripada ahli rombongan Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan

Majlis-Majlis Mesyuarat. Rombongan Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia diketuai oleh Ahli Parlimennya, Yang Berhormat Rieke Diah Pitaloka. Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato

Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar. Turut hadir ialah Ahli-Ahli MMN serta pegawai kanan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Sesi dialog di antara kedua-dua belah pihak membincangkan pelbagai isu yang menjadi keprihatinan bersama dan setentunya mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara.

Antara isu-isu yang dibincangkan adalah mengenai pekerja warga Indonesia yang ada di negara ini dan cara-cara bagi mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja tersebut selain turut membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja warga Indonesia tersebut.

Semasa sesi dialog yang diadakan bersama Kerajaan Republik Indonesia melalui Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia telah menyampaikan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kerjasama dan hubungan mesra dengan pengambilan tenaga Indonesia untuk berkhidmat di negara ini.

50 penuntut sertai Forum Kanak-Kanak 2017

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, (JAPEM), Kementerian Khamis, 16 November - Forum Kebudayaan, Belia dan Sukan Kanak-Kanak Brunei 2017 anjuran (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat Syarikat Data Stream Technology



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi semasa menyaksikan pameran dan berinteraksi bersama para peserta Forum Kanak-Kanak Brunei 2017.

(DST) berakhir dengan Majlis Penutupan Rasmi yang diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkhiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud dan disusuli dengan penyampaian hasil sesi Suara Kanak-Kanak oleh empat pelajar yang terpilih iaitu Jerick Yap Raymundo, pelajar Tahun 9 dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Dayang Alya Insyirah binti Adri Syame, pelajar Tahun 9 Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri; Awang Abdul Hakim Afiq bin Abdullah, pelajar Tahun 10 dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan wakil pelajar Orang Kelainan Upaya yang disampaikan oleh Dayang Siti Jalilah binti Abdullah pelajar Tahun 10 Sekolah Menengah Menglait.

Seramai 50 penuntut Tahun 9 dan 10 mewakili sekolah menengah kerajaan dan swasta



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutupan Rasmi Forum Kanak-Kanak Brunei 2017.

menghadiri forum yang diadakan selama dua hari tersebut. Turut diadakan selepas penyampaian hasil sesi Suara Kanak-Kanak ialah pameran dapatan daripada forum tersebut.

Selain mendengarkan taklimat, para pelajar juga berpeluang untuk

berbincang, berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dengan fasilitator dan rakan-rakan sebaya dan menghasilkan 'Suara Kanak-Kanak' yang seterusnya berguna sebagai rujukan dalam menyediakan dasar dan program yang melibatkan kanak-kanak.

Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel terima wakaf kereta jenazah

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Khamis, 16 November. - Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Daerah Tutong menerima wakaf sebuah kereta jenazah baharu berupa van daripada seorang hamba Allah.

Penyerahan wakaf tersebut disampaikan oleh wakil pewakaf, kepada Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Masri bin Haji Mohammad selaku wakil kepada masjid tersebut yang berlangsung di pekarangan masjid tersebut, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, juga selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Penyerahan kunci kereta jenazah daripada wakil pewakaf kepada Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong dan seterusnya diserahkan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mahri bin Haji Metusin merangkap Ketua Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang. Majlis juga diserikan lagi

dengan menabur bunga rampai dan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Pemangku Bilal Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Awang Mohd. Saiful Bahrin bin Imran.

Juga hadir ialah Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin; Ketua Kampung Pengkalan Mau / Bekiau, Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Jaludin; Ketua Kampung Kiudang / Mungkom, Awang Haji Mohd. Saiful bin Abdullah Anja; Ketua Kampung Birau, Awang Haji Borhanuddin bin Haji Hashim serta pegawai-pegawai dari Bahagian Jabatan Hal Ehwal Masjid.



PEMANGKU Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Masri bin Haji Mohammad selaku wakil menyerahkan kunci kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mahri bin Haji Metusin merangkap Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mahri bin Haji Metusin merangkap Ketua Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang.

Kenali
Negara
Kitani

Rencana dan Foto :
Ak. Jefferi
Pg. Durahman

KAMPUNG Lumut II yang mempunyai keluasan 11.95Km persegi meliputi beberapa buah kampung iaitu Kampung Sungai Taring, Kampung Sungai Tali, Kampung Sungai Kayu Ara, Perumahan Rancangan Perumahan Negara Lumut II dan Kem Batalion Ke-3, Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Lumut II.

Kampung Lumut II mempunyai bilangan penduduk sejumlah 5,112 yang terdiri daripada lelaki 2,315 dan perempuan 2,797. Kampung tersebut juga telah menubuhkan Majlis Perundingan Kampungnya sendiri yang dikenali sebagai MPK Lumut II yang begitu giat mengeluarkan produk-produk berupa kraf tangan seperti tongkat, parang, penggantung kunci dan cincin. Salah seorang ahli MPK Lumut II yang begitu aktif menghasilkan kraf tangan tempatan ialah seorang warga emas, iaitu Awang Haji Ishak bin Kassim.

Beliau mula berkecimpung dalam pembuatan kraf tangan sejak tahun 1999 sebaik sahaja bersara dari berkhidmat dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd. Walaupun tidak menghadiri mana-mana kursus dalam pembuatan kraf tangan namun kebolehan Awang Haji Ishak dalam pembuatan kraf tangan memang tidak dapat dipertikaikan apatah lagi apabila melihat hasil kraf tangan beliau yang begitu halus dan begitu sempurna dengan seni lorekan yang begitu unik.

Menyentuh mengenai dengan pemilihan kayu pula, ia berdasarkan kepada jenis kayu yang berkualiti.

"Biasanya jika jenis kayu tersebut adalah kayu yang tidak begitu keras maka pembuatan dalam menghasilkan satu tongkat tersebut mengambil masa dalam satu hari, dan ini juga tertakluk kepada ukiran dan reka bentuk yang

Perusahaan kraf tangan tempatan tarik perhatian negara luar



AWANG Haji Ishak bin Kassim semasa menyertai ekspo Satu Kampung Satu Produk bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas baru-baru ini.

dihasilkan dan jika tongkat yang dibuat cuma berupa rekaan biasa maka ia dapat dihasilkan dalam tiga ke empat batang tongkat," jelasnya.

Selain sering menyertai ekspo di dalam negeri, Awang Haji Ishak juga pernah menyertai ekspo di luar negara antaranya pada tahun 2010 di Shanghai, China yang ditaja oleh BEDB. Selain itu juga, pernah mewakili negara ke beberapa buah negara lainnya dan juga Asian. Menurut Awang Haji Ishak semasa berada di Shanghai, sambutannya amat memberangsangkan di mana dalam masa dua hari sahaja produk yang dibawa habis dijual.

Selain mengikuti ekspo, di hari-hari biasa, Awang Haji Ishak juga turut mengikuti jualan Bandarku Ceria yang diadakan di Daerah Belait selain menjualnya di rumah. Produk kraf tangan seperti tongkat yang dihasilkan oleh beliau bukan sekadar diminati oleh orang-orang tempatan sahaja bahkan juga ada

menerima tempahan dari luar negara. Ini membuktikan bahawa kraf tangan tempatan ketani bukan hanya dikenali di negara sendiri malahan ia turut mendapat sambutan dari negara luar.

Menurut Awang Haji Ishak, permintaan pembuatan tongkat cukup tinggi hingga mencapai kepada 1,000 batang ke atas. Awang Haji Ishak terpaksa menolak permintaan tersebut memandangkan bahan yang diperlukan bukanlah begitu mudah untuk diperolehi terutamanya dari segi kayu yang mengkehendaki Awang Haji Ishak untuk membeli daripada penjual yang lain bahkan ada sesetengah kayu tersebut terpaksa ditempah dari negara luar seperti Kayu Naga Sari yang cuma diperolehi di Indonesia dan setentunya memerlukan modal yang besar untuk mendapatkannya.

"Sejak melibatkan diri dalam hasil kraf tangan hingga kini sudah banyak hasil koleksi yang saya hasilkan, memandangkan dalam setahun

sahaja saya berupaya menghasilkan kira-kira 600 batang tongkat," ujar Awang Haji Ishak.

Namun kini tambahnya, ia sedikit berkurangan memandangkan kayu-kayu yang diperlukan begitu susah untuk diperolehi. Mengakhiri temu bual tersebut, Awang Haji Ishak berharap agar pihak-pihak tertentu akan dapat memberikan lebih banyak lagi pendedahan hasil-hasil produk tempatan dengan sering kali mengadakan ekspo seperti baru-baru ini berlangsungnya Ekspo Satu Kampung Satu Produk. Di samping itu, penglibatan beberapa buah perhotelan dan agensi-agensi pelancongan akan dapat membawa pelancong-pelancong luar negara mengunjungi ekspo seperti ini dalam sama-sama membantu meningkatkan ekonomi negara dan dalam masa yang sama telah mengharumkan nama Kampung Lumut II di dalam dan luar negara.



KRAF tangan berupa tongkat pelbagai bentuk dan ukiran hasil sentuhan Awang Haji Ishak sendiri yang juga merupakan produk bagi Kampung Lumut II.



KRAF tangan berupa keychain rekaan beliau dari pelbagai jenis kayu yang mempunyai khasiatnya tersendiri.

Syukuri kepemimpinan ugama, 50 tahun pemerintahan raja



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Ilmu adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang amat berharga dan besar faedahnya kepada umat manusia. Sesungguhnya untuk mencapai kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat adalah dengan ilmu pengetahuan. Tidak ada masyarakat yang berjaya dan maju tanpa adanya ilmu pengetahuan. Ketahuilah menuntut ilmu diwajibkan ke atas setiap umat Islam dan menuntut ilmu merupakan suatu ibadat yang dijanjikan ganjarannya yang sangat besar antaranya ialah dipermudahkan jalannya menuju ke syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan maka Allah akan mempermudah baginya satu jalan untuk ke syurga."

Sesungguhnya orang yang berilmu dipandang tinggi oleh masyarakat dan orang yang memiliki ilmu juga sangatlah beruntung kerana ilmu itu adalah jiwa dan harta yang tidak akan hilang dan habis. Ketahuilah, ilmu itu sangat

luas dan banyak, manakala ilmu yang ada pada diri kita sebenarnya hanyalah sedikit.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 85 :

Tafsirnya : "Dan mereka bertanya kepada mu wahai Nabi Muhammad tentang hakikat roh. Katakanlah : Roh itu adalah daripada urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja."

Alhamdulillah, kita di bumi Darussalam ini sangat menyanjung tinggi kepentingan ilmu pengetahuan. Oleh itu, pada setiap tahun sejak dari tahun 2004, negara kita telah mengadakan Majlis Ilmu bersempena dengan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana pada tahun ini adalah bertepatan dengan Sambutan Jubli Emas Baginda Menaiki Takhta dengan tema 'Mesyukuri Kepimpinan Terutama Perkhidmatan Agama Sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam'.

Majlis Ilmu merupakan antara mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sebagai wadah yang berterusan untuk menghidangkan ilmu dan maklumat yang sangat bernilai, berguna dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Selain itu, Majlis Ilmu pada tahun 2017 ini berperanan dalam menyampaikan pengetahuan dan kefahaman mengenai pendidikan, takmir masjid, dakwah dan syiar, kepimpinan akar umbi, perundangan syariah dan fatwa, sosial dan ekonomi terutamanya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan agama. Majlis Ilmu ini juga bertujuan untuk mengukuhkan peranan undang-undang syariat, institusi pendidikan, institusi kepimpinan akar umbi, serta memantapkan lagi dakwah dan syiar di Negara Brunei Darussalam.

Huraian tema Majlis Ilmu pada tahun ini memperjelaskan konsep pemerintahan dan kepimpinan raja soleh dari berbagai sudut melalui pembentangan kertas-kertas kerja seminar, ceramah khas, ceramah perdana dan forum perdana dengan mengundang pakar-pakar khusus dalam bidang masing-masing dari dalam dan luar negara. Majlis pada tahun ini menampilkan satu kelainan, iaitu ucapan ikrar yang bertujuan untuk memantapkan lagi rasa kesetiaan dan cinta rakyat kepada raja yang dikasihi, menzahirkan rasa syukur terhadap kesejahteraan dan keharmonian di bawah pimpinan baginda dan memupuk

"DAN ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

semangat berpasukan dalam menandai bersama tanggungjawab hal ehwal keagamaan atas dasar raja adalah ketua agama di Negara Brunei Darussalam. Antara petikan ucapan ikrar itu ialah :

Memelihara serta mempertahankan pemerintahan negara Melayu Islam Beraja, taat setia menjunjung tinggi keutuhan dan kedaulatan raja dengan sentiasa :

- Mendukung kepimpinan dan wawasan raja demi kemajuan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

- Memelihara tradisi hidup berbaik-baik semua kalangan rakyat dan penduduk demi keamanan dan keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan.

- Berusaha dan bekerjasama memaju dan menjayakan semua bidang perkhidmatan kerajaan khususnya perkhidmatan bidang agama di bawah kepimpinan bijaksana raja demi mengekalkan rahmat dan berkat kepada negara dan rakyat.

Tema Majlis Ilmu pada tahun ini mendorong kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk mensyukuri nikmat dan rahmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada bumi Darussalam yang sentiasa dalam keadaan aman damai dan makmur di bawah pimpinan dan pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam perkhidmatan agama. Baginda adalah seorang pemimpin yang wajib ditaati dan dicontohi kerana menempatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan menjadikannya sebagai tunggal dalam pentadbiran, kepimpinan dan pengurusan Negara Brunei Darussalam.

Pada menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang agama Islam di Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang menjadi undang-undang utama. Undang-undang ini membuktikan bahawa syiar Islam di negara ini telah mencapai matlamat bagi pembentukan sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengingati dan mendahulukan Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua tindak-tanduk yang diambil, sentiasa menyebut dan mengamalkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam segenap bidang kehidupan dan tidak meminggirkan Al-Quran dan As-Sunnah serta sentiasa menyeru kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 104 :

Tafsirnya : "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan), dan menyuruh berbuat yang makruf, serta melarang daripada yang mungkar dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan."

Akta Pendidikan Agama Wajib merupakan undang-undang yang dikuatkuasakan khusus dalam bidang pendidikan agama dan ia bertujuan bagi memantapkan lagi pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam agar tidak ada rakyat dan penduduk negara ini tercicir dalam pendidikan agama. Ini bererti kemantapan agama di Negara Brunei Darussalam juga dapat menjamin keselamatan serta keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh itu, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah sentiasa memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kerajaan Kebawah DYMM telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan, prasarana, perkhidmatan, kemajuan dan pembangunan yang berterusan untuk dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat jelata terutamanya perkhidmatan bidang agama sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7.

Tafsirnya : "Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

Maksud ayat Al-Quran tersebut menjelaskan bahawa selama mana kita mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan memelihara dan menggunakannya dengan baik dan tidak menyalahgunakannya, maka selama itulah Allah akan menambahkan lagi nikmat yang ada seperti nikmat ketenangan, kesejahteraan dan keharmonian di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Oleh itu, marilah kita mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, semoga nikmat tersebut akan terus berkekalan dan sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan kita menjadi hamba-hamba Allah yang sentiasa bersyukur dan mendapat perlindungan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah, ayat 152.

Tafsirnya :

"Maka ingatlah kamu kepada Ku dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat."

"SESUNGGUHNYA orang yang berilmu dipandang tinggi oleh masyarakat dan orang yang memiliki ilmu juga sangatlah beruntung kerana ilmu itu adalah jiwa dan harta yang tidak akan hilang dan habis. Ketahuilah, ilmu itu sangat luas dan banyak, manakala ilmu yang ada pada diri kita sebenarnya hanyalah sedikit."

Bincang susulan eksploitasi sumber bumi



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz semasa berucap pada Pembukaan Kongres Antarabangsa Sains Bumi (ICES) di Asia Tenggara 2017.



PARA peserta kongres terdiri daripada ahli-ahli akademik dan penyelidik dari institusi-institusi dan syarikat-syarikat dari lebih 30 buah negara termasuk rantau Asia, Eropah dan Afrika.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Rabu, 15 November. - Beberapa deposit mineral, bijih dan permata yang paling penting di dunia boleh didapati di Asia Tenggara termasuk simpanan minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam.

Akibat daripada banyaknya eksploitasi sumber-sumber ini untuk mengekalkan gaya hidup yang dikembangkan oleh dunia maju, ia adalah sesuatu yang harus dan perlu terus dibincangkan.

Dalam hubungan ini, Ahli Geosains memainkan peranan penting dalam pembangunan

mampuan serta pemulihan dan perlindungan alam semula jadi semasa juga selepas eksploitasi sumber bumi.

"Sumbangan awda sebagai sarjana, penyelidik, dan pihak berkepentingan adalah sangat penting di peringkat global dan serantau, terutamanya ketika melihat akibat yang meningkat dan berskala besar dari pengurusan sumber yang cuai."

Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya

Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menjelaskan perkara tersebut pada Pembukaan Kongres Antarabangsa Sains Bumi (ICES) di Asia Tenggara 2017 (International Congress of Earth Science in Southeast Asia) berlangsung di Bangunan Tambahan, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD, di sini.

Menurut Datin Dr. Dayang Hajah Anita lagi, bencana alam, pencemaran air dan perubahan iklim hanya beberapa kesan yang dapat dilihat hari ini.

Justeru itu, tambahnya, adalah penting untuk pendekatan dan dasar baharu yang timbul daripada data empirikal yang sukar serta penyelidikan ketat digunakan untuk memahami juga mengurangkan kesan daripada amalan-amalan cuai dan tidak mampan.

ICES di Asia Tenggara 2017 anjuran UBD melalui Fakulti Sains (FOS) diadakan bermula 15 hingga 18 November dan dihasrat menjadi tempat untuk memupuk kerjasama serta rangkaian dalam kalangan Ahli Geoscientis, usaha untuk menyatukan semangat dan ilham muda bagi meraih pengalaman

serta kepakaran, para penyelidik muda berpeluang bertemu dengan pakar geosains senior untuk pertukaran idea juga pembentangan kemajuan yang terkini dalam bidang sains bumi.

Lebih 200 peserta mengambil bahagian dalam kongres ini terdiri daripada para ahli akademik dan penyelidik dari institusi-institusi juga syarikat-syarikat daripada lebih 30 buah negara termasuk rantau Asia, Eropah dan Afrika dengan 180 pembentangan kertas kerja, di mana 37 daripadanya akan disampaikan oleh mahasiswa, mahasiswi UBD sendiri.

Tingkatkan kawalan makanan halal



ANTARA yang hadir mendengarkan Taklimat Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Swasta dengan usaha sama Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Taklimat Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017 untuk memberikan pemahaman tentang kepentingan Sijil Halal dan Label Halal di kantin-kantin setiap institusi pendidikan swasta.

Taklimat berlangsung di Dewan

Persidangan Utama, Dewan Baharu, Kementerian Pendidikan, di sini.

Pemangku Ketua Bahagian Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dayang Sarimah binti Abu Bakar dalam ucapan alu-aluannya, antara lain menjelaskan, taklimat tersebut bagi memberikan maklumat dan mengingatkan pada semua institusi pendidikan swasta, khususnya para pengusaha kantin di sekolah masing-masing mengenai perintah tersebut, kerana ia suatu kewajipan khususnya, yang beragama Islam



TAKLIMAT mengenai Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017 di Dewan Persidangan Utama, Dewan Baharu, Kementerian Pendidikan.

dan mengambil kira akan kepentingan pelajar serta generasi muda yang menerima khidmat kantin berkenaan.

"Dengan adanya kita mematuhi Perintah Sijil Halal dan Label Halal akan memastikan mereka ini memakan ataupun menerima sesuatu yang disahkan halal," ujarnya.

Sesi taklimat berkenaan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin sekolah serta pengusaha-pengusaha kantin institusi pendidikan swasta yang diadakan selama dua hari secara berperingkat.

Peringkat pertama ini adalah pemimpin-pemimpin sekolah serta pengusaha-pengusaha kantin institusi pendidikan swasta Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Temburong sementara pada hari

berikutnya adalah bagi pemimpin-pemimpin sekolah serta pengusaha-pengusaha kantin pendidikan swasta Daerah Belait dan Daerah Tutong.

Dalam taklimat tersebut, pegawai dari Bahagian Kawalan Makanan Halal, Pegawai Pemakanan, Abang Muhammad Masrur bin Abang Zainuddin antara lain menjelaskan, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 membolehkan pihak KHEU atau agensi-agensi kerajaan berkenaan untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap premis halal setelah Lesen Rampaian dan Lesen Perniagaan ditiadakan, di samping meningkatkan pengawalan kehalalan makanan bagi premis-premis perniagaan, memastikan makanan dan produk

yang dijual serta perkhidmatan tertentu di Negara Brunei Darussalam terjamin kehalalannya dan memberi keyakinan kepada masyarakat di negara ini dalam pemilihan makanan yang tidak diragui.

Taklimat juga membarigakan mengenai Audit Pemantauan yang memastikan pemegang Sijil Halal/Permit Halal mematuhi syarat dan kehendak perintah tersebut, jika didapati ketidakpatuhan, pemegang sijil halal / permit halal akan diberi tempoh yang sesuai untuk membetulkan semula ketidakpatuhan tersebut.

Audit susulan juga akan dijalankan untuk mengesahkan bahawa tindakan pembetulan telah dibuat oleh pemohon.

Kesusasteraan bidang ilmu membina tamadun



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 November. - Kesusasteraan sememangnya sering mengalami perubahan mengikut perubahan masa, budaya dan keadaan. Kedinamikan kesusasteraan

terjadi disebabkan sifatnya yang bukan statik, dari bentuk-bentuk yang terikat seperti pantun, syair, gurindam, kepada bentuk-bentuk yang lebih bebas dari segala ikatan.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil semasa membacakan teks ucapan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Majlis Pembukaan Rasmi Perhimpunan Sasterawan Budaya Negara Serumpun (PSBNS) Brunei 2017.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menjelaskan perkara tersebut semasa membacakan teks ucapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Majlis Pembukaan Rasmi Perhimpunan Sasterawan Budaya Negara Serumpun

Siaran Akhbar :
Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei
Foto : Azmah Haji Ahad

(PSBNS) Brunei 2017 yang berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei, di sini.

Yang Berhormat dalam teks tersebut juga menjelaskan, erti sastera dalam kehidupan manusia yang juga sering dan perlu mengalami perubahan, sejajar dengan zaman yang sentiasa bergerak maju, menghendaki sebarang inovasi demi mencapai kemajuan.

Pada hakikatnya, kesusasteraan tidak boleh terlepas daripada fenomena kehidupan manusia

kerana ia merupakan wadah pengukur, pencatat dan peramal kehidupan manusia, dari dulu hingga sekarang dan akan datang.

Kesusasteraan jelasnya, dianggap bidang ilmu yang membina tamadun, justeru ia perlu diberi tempat dan perhatian sewajarnya, sebanding dengan bidang-bidang ilmu lain.

Ia juga perlu sentiasa diberi nafas baharu, agar akan dapat terus hidup berkembang, relevan dan tidak ketinggalan oleh arus zaman.

Wadah fahami sastera, budaya negara serumpun

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 November. - Tahun ini giliran Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Perhimpunan Sasterawan Budaya Negara Serumpun (PSBNS) Brunei 2017 yang berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei, di sini.

Perhimpunan selama enam hari yang bermula hari ini dianjurkan oleh Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) dan PSBNS Chapter Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat dan wakil peribadi kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Sementara itu, Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah, selaku Pengerusi Majlis merangkap Ketua PSBNS Chapter Brunei dalam ucapannya antara lain menjelaskan, PSBNS pada dasarnya adalah bertujuan sebagai satu wadah untuk memahami sastera dan budaya negara-negara serumpun yang mempunyai



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila ketika melancarkan buku hasil karya salah seorang ahli PSBNS Chapter Brunei.

beberapa persamaan dan perbezaan, yang dengan kefahaman tersebut, akan wujud perhubungan, kesefahaman dan kerjasama sesama anggota dengan lebih baik.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyempurnakan pembukaan rasmi PSBNS dan seterusnya melancarkan buku hasil karya salah seorang ahli PSBNS Chapter

Brunei.

Antara tujuan perhimpunan ialah bagi mempertemukan sasterawan dan budayawan negara serumpun di negara ini.

PSBNS pada umumnya akan terus berusaha meningkatkan hubungan kerjasama di antara ahli-ahlinya dari negara serumpun dalam bidang sastera dan budaya.

Pelantikan dan pertukaran pegawai kanan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan dan pertukaran pegawai-pegawai kanan.

Pesuruhjaya Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Ajman bin Haji Meludin menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN; dan Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Ali ditukar dan ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan.

Tarikh pelantikan dan pertukaran pegawai-pegawai tersebut berkuat kuasa mulai Sabtu, 29 Safar 1439 Hijrah bersamaan 18 November 2017 Masihi.

Pertukaran pegawai kanan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Pemangku Pengarah Kehakiman Negara, Jabatan Kehakiman Negara, Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi ditukar ke Jabatan Peguam Negara bagi mengisikan jawatan Peguamcara Negara bertaraf Timbalan Setiausaha Tetap.

Tarikh pertukaran pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Sabtu, 29 Safar 1439 Hijrah bersamaan 18 November 2017 Masihi.

Tiga pegawai kanan dinaikkan pangkat

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam, JPM

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi :

Pegawai Penyelidik di Jabatan Penyelidikan Brunei, Awang Haji Irawan bin Haji Abdullah, dinaikkan pangkat sebagai Pengarah di Jabatan Keselamatan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP).

Pengurus Sistem di KHELNP, Dayang Saniah binti Haji Sani, dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi di KHELNP.

Manakala Penolong Pengarah Perkhidmatan Makmal di Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Osmali bin Haji Osman, dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Makmal di Kementerian Kesihatan.

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai 17 Oktober lalu.



BUKU hasil karya salah seorang ahli PSBNS Chapter Brunei.

Fire Marshall Kementerian Kesihatan terima sijil



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta yang lulus dalam kursus tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada para peserta yang mengikuti Program Latihan Fire Marshall yang diadakan pada bulan September lalu.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, Majlis Penyampaian Sijil tersebut berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Seramai 38 menerima sijil

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

penghargaan tersebut, yang mana 12 orang daripadanya adalah peserta perempuan dan 26 lagi adalah peserta lelaki yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan yang lulus dalam kursus tersebut.

Kursus latihan tersebut dikendalikan oleh Pentadbiran Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Berakas, Lapangan Terbang Lama selama tiga hari mulai 18 hingga 20 September lalu.

Dalam program latihan tersebut,

para peserta diberikan penerangan mengenai tugas-tugas dan fungsi JBP, di samping berpeluang mengikuti sesi-sesi latihan, yang antara lainnya seperti latihan perlindungan pencegahan kebakaran dalam bangunan, mengetahui pelan tindakan menghadapi kecemasan, pembelajaran cara membantu mangsa di dalam situasi kebakaran, tatacara pengosongan bangunan dan masuk ke rumah asap, pengenalan alat-alat pencegah kebakaran dan cara pemakaiannya serta latihan Program Kawad Kebakaran (Fire Drill) juga menduduki peperiksaan keselamatan dan tatacara pencegahan kebakaran secara bertulis.

Turut hadir sama ialah Ketua Pentadbiran Kementerian Kesihatan, Dayang Rosnani binti Ismail, selaku Pengerusi Majlis serta pegawai juga kakitangan dari Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama, Berakas.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan bergambar ramai bersama para peserta daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan yang lulus dalam Program Latihan Fire Marshall.

Kecuaian pemandu cederakan tiga pejalan kaki

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Seramai tiga pejalan kaki cedera kerana terjatuh ke dalam longkang yang berair cetek berdekatan dengan Pusat Belia di ibu negara semalam, apabila dilanggar oleh seorang pemandu.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Bomba dan Penyelamat, mereka menerima panggilan kecemasan bantuan untuk menaikkan mangsa kemalangan pada jam 8.25 malam.

Sebuah jentera dari Balai Bomba Bandar dikerahkan ke tempat kejadian dengan enam anggota yang diketuai oleh ASO Abas.

Mereka bertindak menaikkan ke tiga-tiga mangsa berkenaan menggunakan tangga *double extension*. Kesemua mangsa diberi rawatan oleh pihak paramedik dan seterusnya dihantar ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menggunakan kereta ambulans

untuk mendapat rawatan lanjut.

Pemandu kereta tersebut, seorang lelaki berbangsa Cina warganegara Malaysia.

Mangsa adalah dua orang berbangsa Melayu dan seorang berbangsa Cina, warganegara Brunei serta Malaysia, berumur dalam lingkungan 60-an dan 70-an yang mendapat kecederaan di bahagian mata, punggung, belakang kepala, kaki dan luka di pergelangan tangan.

Dalam pada itu, pihak JBP menyarankan kepada para pemandu atau pengguna jalan raya agar sentiasa menumpukan perhatian di jalan raya dan kawasan sekeliling semasa memandu di mana saja awda berada juga hendaklah sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan lalu lintas serta papan tanda terutama sekali had kelajuan di kawasan atau jalan, di mana adanya pejalan kaki.



ANGGOTA bomba berusaha menyelamatkan tiga mangsa pejalan kaki yang terjatuh ke dalam longkang setelah dilanggar oleh seorang pemandu.

UBDSBE - Ghamin International Corporation meterai MoU



DEKAN UBDSBE, Profesor Ahmed Masood Khalid (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Ghamin International Corporation Sendirian Berhad, Dr. Nur Rahman (kiri) bertukar dokumen setelah memeterai perjanjian Memorandum Persefahaman tersebut.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Khamis, 16 November. - Sekolah Pedagangan dan Ekonomik Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) memeterai perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Ghamin International Corporation Sendirian Berhad yang bertujuan untuk meneroka kerjasama dalam bidang makanan halal.

Majlis penandatanganan diadakan di Bilik Senate, Dewan

Canselor UBD, di sini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Dekan UBDSBE, Profesor Ahmed Masood Khalid dan Ketua Pegawai Eksekutif Ghamin International Corporation Sendirian Berhad, Dr. Nur Rahman.

Hadir sama, Lembaga Pengarah syarikat tersebut, Awang Haji Sofian Mohammad Jani juga menyaksikan penandatanganan, Penolong Naib

Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD, Profesor Dr. David Koh Soo Quee.

MoU tersebut antara lain bertujuan untuk mewujudkan landasan dalam kerjasama kajian aktiviti pemasaran, meneroka inisiatif-inisiatif berkaitan dan bagi mempromosi industri halal di negara ini.

Objektif utamanya ialah sering bertukar maklumat dan idea dalam pemasaran produk halal serta perkhidmatan juga mengadakan beberapa forum bersama untuk lebih memahami keperluan produk dan pasaran.

IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

MAKLUMAN PEMBATALAN IKLAN
MENURUT PERATURAN BERGAJI HARI
KELUARAN: 04 NOVEMBER 2017
TARIKH TUTUP: 18 NOVEMBER 2017
BILANGAN IKLAN 92/11/2017

1. PEGAWAI KAJICUACA
B.2 EB.3
BAHAGIAN II
JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
KEKOSONGAN = SATU (01)

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan tersebut di atas adalah dibatalkan oleh sebab-sebab yang tertentu.

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Announcement di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE: **TALIAN DARUSSALAM 123**

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : II & III KATEGORI : B01 SAHAJA

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 21 NOVEMBER 2017, SELASA

TARIKH TUTUP PADA : 28 NOVEMBER 2017, SELASA JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DBSIMU002 / 2017

NAMA PROJEK : TWO (2) YEARS TERM CONTRACT FOR GENERAL REPAIR WORKS FOR MAINTENANCE WORKS FOR ASI1, ASI2, ASI3, ASI4, ASI5, ASI6 (DOUBLE STOREY TYPES) AND ASI21, ASI22, ASI23, ASI24, ASI25, ASI26, ASI27, ASI28, ASI29 (BUNGALOW TYPES) AT VIP BERIBI HOUSING, SIMPANG 52 KG. BERIBI,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran).
Sidang media tersebut diakhiri dengan penyampaian sumbangan dari dua syarikat swasta, iaitu Syarikat Nazmi Textile dan Kingston Beverage and Creamery Sendirian Berhad kepada para wakil penganjur acara.

Syarikat-syarikat berkenaan akan memberikan sokongan pada acara yang akan berlangsung di Daerah Tutong itu nanti.

Tingkatkan kesedaran keselamatan dan peraturan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Sekolah-Sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) melalui Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam sebagai penyelaras dengan kerjasama Bahagian Keselamatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan meneruskan lagi siri taklimat keselamatan jalan raya dan lalu lintas bagi sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Menurut Siaran Akhbar JSS, taklimat yang dikhususkan untuk pelajar-pelajar, guru-guru dan kakitangan sekolah pada kali ini diadakan di Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Bertepatan dengan minggu bagi Hari Memperingati Mangsa Kemalangan Lalu Lintas Sedunia dan sempena Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam (MKKJR), taklimat yang diadakan adalah antara inisiatif yang dibuat dalam usaha membantu pihak

sekolah untuk meningkatkan kesedaran pelajar-pelajar terhadap keselamatan di jalan raya terutama bagi sekolah-sekolah yang didapati sebagai yang berisiko, melalui penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Kecil MKKJR bagi Sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada beberapa buah agensi kerajaan.

Taklimat disampaikan oleh wakil Urusetia MKKJR, Pegawai Penguatkuasa Kanan di Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan, Pengiran Khairul Yusra bin Pengiran Haji Md. Yusof dan Ketua Inspektor Polis, Md. Baharin Shah bin Haji Abu Bakar, pegawai dari Unit Penyiasatan dan Penyelidikan Jalan Raya, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Antara tujuannya untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan bagi penggunaan jalan raya dan lalu lintas dalam kalangan warga sekolah, menanamkan sikap yang mementingkan keselamatan dalam



JABATAN Sekolah-Sekolah mengendalikan taklimat keselamatan jalan raya dan lalu lintas bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan yang disampaikan oleh pegawai dari Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dan Bahagian Kawalan Keselamatan Lalulintas, Polis Diraja Brunei.

kalangan warga sekolah semasa berada di jalan raya mahupun semasa menaiki kenderaan dan mengujudkan persekitaran jalan raya yang selamat di sekolah-sekolah bagi semua pengguna termasuk warga sekolah dan ibu bapa.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah dan Bahagian HSSE, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, pegawai-Pegawai dari MKKJR, JPD dan dari JSKLL, PDB.

Penutupan sementara Perkhidmatan e-Amanah dan Kiosk e-Info TAP

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 November. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan bagi perkhidmatan e-Amanah dan Kiosk e-Info TAP akan dilaksanakan bermula Sabtu, 18 November 2017 bermula dari jam 8.00 malam sehingga selesai.

Menurut Siaran Akhbar TAP, berikutan dengan itu, perkhidmatan e-Amanah dan e-Info Kiosk TAP tidak akan dapat diakses pada tarikh dan waktu berkenaan.

Perkhidmatan e-Amanah dan Kiosk e-Info TAP di semua cawangan TAP akan kembali beroperasi seperti biasa selepas kerja-kerja penyelenggaraan selesai.

Sebarang kesukaran yang mungkin dihadapi adalah amat dikesali dan bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian +673 2382800 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn.

TDDDB sertai AARM Ke-27



SERAMAI 550 anggota akan bersaing dalam lima acara, iaitu Carbine, Machine Gun, acara Pistol Kumpulan Lelaki, Pistol Kumpulan Wanita serta Rifle.



CHIEF of Staff - General Staff of Singapore Armed Forces, Brigedier Jeneral Siew Kum Wong semasa hadir bagi merasmikan Pertandingan ASEAN Armies Rifle Meet Ke-27.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 15 November. - Seramai 31 anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah Batalion Pertama, Letenan Kolonel Aldi bin Haji Hassan menyertai

Pertandingan ASEAN Armies Rifle Meet (AARM) Ke-27. Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pertahanan, pertandingan tersebut dihoskan oleh Tentera Darat Singapura di Republik Singapura pada 6 hingga

22 November.

Pembukaan rasminya diadakan kelmarin oleh Chief of Staff - General Staff of Singapore Armed Forces, Brigedier Jeneral Siew Kum Wong. Turut hadir ialah Timbalan Pemerintah TDDDB, Kolonel Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Seramai 550 anggota akan bersaing dalam lima acara, iaitu

Carbine, Machine Gun, acara Pistol Kumpulan Lelaki, Pistol Kumpulan Wanita serta Rifle.

AARM merupakan pertandingan menembak tahunan tentera darat dalam kalangan 10 negara-negara ASEAN. Ia juga merupakan landasan untuk berinteraksi dan mengukuhkan hubungan persahabatan mereka di antara satu sama lain.

Bersempena dengan pertandingan itu, Pemerintah-pemerintah Tentera Darat ASEAN dan Sarjan Mejar Tentera Darat ASEAN akan berkumpul bersama pada 21 November bagi menghadiri ASEAN Chiefs of Army Multilateral Meeting (ACAMM) Ke-18 dan ASEAN Sergeant Majors Annual Meeting (ASMAM) Ke-7.

AMBD kelolakan Program School Outreach

Oleh : Nooradini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

TUTONG, Rabu, 15 November. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan aktiviti outreach di Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai (SRPDNPJS), di sini.

Aktiviti tersebut adalah sebagai kesinambungan pada Majlis Pengedaran Duit Syiling bagi Edaran Siri Ke-5 dengan Denominasi 50 Sen kepada para penuntut sekolah-sekolah pra,

rendah, menengah dan pusat-pusat tingkatan enam di negara ini pada 13 November yang lalu sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Eksekutif AMBD, Dayang Hajah Nuralia binti Haji Abd. Rahim.

Turut hadir ialah Guru Besar SRPDNPJS, Dayang Hajah

Katijah binti Haji Idris; pegawai-pegawai kanan dari SRPDNPJS serta pegawai-pegawai kanan AMBD.

Seramai 142 murid dari Darjah Pra hingga Tahun 6 SRPDNPJS mengikuti permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengenalan mata wang dan pengurusan kewangan.

Aktiviti tersebut bertujuan untuk membarigakan dan mengenalkan kepada penuntut-penuntut mengenai Duit Syiling dalam Edaran Siri Ke-5 yang dikeluarkan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Ia juga untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung, berdikari dari segi kewangan (*financial independence*) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan.



PENGARAH Eksekutif AMBD, Dayang Hajah Nuralia binti Haji Abd. Rahim ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada Guru Besar SRPDNPJS, Dayang Hajah Katijah binti Haji Idris.

Aktiviti outreach tersebut diadakan di Daerah Temburong pada 16 November 2017 dan di Daerah Belait pada 20 November 2017.

Kes rasuah, dua anggota polis didapati bersalah

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Dua anggota polis di Ibu Pejabat Polis Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), PC4008 Mohd. Kamal Ariffin bin Aiadin dan PC4808 Affandi Heng bin Bennay Heng, didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan atas dua (2) pertuduhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131).

Menurut Siaran Akhbar Biro Mencegah Rasuah (BMR), siasatan yang dijalankan oleh BMR, mendapati bahawa pada 8 September 2011, di kawasan Happy Star, Batu Besurat, Gadong, dengan secara tidak jujur meminta wang suapan berjumlah BND500 (Lima Ratus Ringgit Brunei) daripada seorang warga tempatan. Wang tersebut adalah sebagai dorongan atau ganjaran kepada kedua tertuduh untuk tidak membuat laporan polis mengenai kes khalwat warga tempatan tersebut dan pasangannya.

Siasatan BMR juga mendapati bahawa kedua tertuduh pada 6 September 2011 di kawasan Court Furniture, Kiulap, dengan secara tidak jujur cuba meminta wang suapan berjumlah BND4,000 (Empat Ribu Ringgit Brunei) daripada seorang tempatan sebagai satu dorongan atau ganjaran kepada kedua tertuduh untuk tidak membuat laporan polis mengenai kes khalwat pasangan tersebut.

Ketua Majistret, Awang Muhammad Faisal bin Pehin Dato Haji Kefli menjatuhkan hukuman 18 bulan penjara bagi setiap pertuduhan, yang mana hukuman dijalankan secara serentak berkuat kuasa pada Rabu, 15 November 2017.

Pihak pendakwaan bagi kes itu ialah Penolong Pendakwaraya Pengiran Suzana binti Pengiran Haji Abas dari Pejabat Peguam Negara.



ANTARA murid dari Darjah Pra hingga Tahun 6 SRPDNPJS mengikuti permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengenalan mata wang dan pengurusan kewangan.



Oleh dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Pembuatan gasing



MESIN melarik gasing yang digunakan oleh Awang Amran bin Haji Maidin.

GASING merupakan salah satu permainan tradisi di negara ini yang kebiasaannya dimainkan oleh kaum lelaki dengan tidak mengira peringkat umur dan latar belakang.

Dalam hubungan ini, pembuatan gasing bukanlah suatu pekerjaan yang amat mudah, ini kerana ia memerlukan kemahiran atau kepakaran. Pada lazimnya, setiap pemain gasing juga mempunyai pengetahuan cara pembuatan gasing kerana kebanyakan mereka suka membuat gasing sendiri untuk dimainkan.

Antara jenis kayu yang digunakan untuk membuat gasing tersebut ialah Kayu Pengaris dan Kayu Impas. Dua jenis kayu berkenaan adalah jenis kayu yang baik dari segi ketahanan dan mudah diperolehi di kawasan pedalaman hutan di Daerah Belait, Temburong dan Tutong.

Peralatan yang digunakan untuk membuat gasing termasuk parang (membuat keseluruhan rangka gasing); pahat (mengupak dan mengorek keseluruhan gasing); patar (mengelokkan butit gasing); ela (mengukur kebesaran gasing); kertas pasir (menghaluskan keseluruhan gasing) dan bernes (sejenis bahan *polish* untuk mencantikkan gasing).

Permulaan cara membuat gasing dimulai dengan pemilihan dan pengambilan kayu jenis Pengaris dan Impas. Kayu tersebut dibentuk kedudukan agar ia merupakan bentuk gasing atau dipanggil sebagai rangka gasing. Apabila rangka gasing telah siap dibuat, ia diperelokkan di bahagian gasing itu yang dipanggil sebagai 'butit gasing' dengan menggunakan pahat yang mana kerja-kerja tersebut memakan masa sekurang-

kurangnya dua jam.

Ukuran gasing tradisi pula berukuran 16" - 18" bulatan bagi saiz kecil dan 25" - 27" bulatan bagi saiz besar. Apabila gasing telah dibentuk, gasing akan dilarik menggunakan mesin melarik untuk menjadikan gasing lebih halus, licin dan membulat.

Kerja melarik tidaklah sesukar membentuk kerana ketika proses pembentukan, kesabaran amat diperlukan.

Menurut Setiausaha Gasing Kebangsaan, Awang Amran bin Haji Maidin diketika ditemui menjelaskan, beliau meminati permainan gasing dan sudah lama berkecimpung dalam pembuatan gasing bermula pada tahun 1996.

Ilmu membuat gasing itu katanya, diperolehi belajar daripada kawan-kawannya.

AWANG Amran menunjukkan kerja-kerja melarik gasing (atas). Gasing Pangkah merupakan gasing yang digunakan dalam mana-mana perlawanan gasing di peringkat antarabangsa (bawah). Kayu-kayu yang terdiri daripada Kayu Impas dan Pengaris digunakan untuk membuat gasing (bawah tengah) dan Gasing Pilajau salah satu gasing tradisi (bawah kanan).





SM Sayyidina Hassan juara permainan pasang

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Sekolah Menengah Sayyidina Hassan menjuarai Pertandingan Permainan Tradisi Pasang bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Tahun 2017, yang berlangsung di Dewan Riadah Pusat Belia, di sini.

Naib juara disandang oleh

Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, manakala Sekolah Menengah Menglait dan Sekolah Menengah Sayyidina Husain berkongsi tempat ketiga.

Pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Dayang Umami Umairah binti Eddy pula dinobatkan sebagai Pemain Terbaik.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian cenderahati serta hadiah kepada para pemenang pertandingan ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Sebanyak 20 buah sekolah

menengah menyertai pertandingan yang dibukakan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan maktab-maktab.

Objektif pertandingan tersebut adalah untuk mengajarkan ilmu asas kemahiran tradisi pasang kepada pelajar, di samping memberikan mereka peluang untuk mempelajari seni permainan pasang.

Antara tujuan utama pertandingan adalah untuk memelihara dan mengekalkan khazanah budaya negara ke arah menimbulkan semangat cintakan budaya Brunei dalam kalangan generasi muda serta melahirkan pemain pasang yang berkebolehan juga berkemahiran agar permainan pasang dapat dikekalkan dan diajarkan kepada rakan sebaya.

PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan (kiri) menyampaikan plak kepada wakil Sekolah Menengah Sayyidina Hassan yang menjuarai Pertandingan Permainan Tradisi Pasang tersebut.

Sekolah Menengah RIPAS juara Spelling Bee

TUTONG, Rabu, 15 November. - Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong (SM RIPAS) mengadakan Pertandingan Spelling Bee di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Menurut Siaran Akhbar SM RIPAS, pertandingan tersebut disertai oleh tujuh buah sekolah terdiri dari Sekolah Menengah Sukan; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; Sekolah Menengah Rimba II; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong; Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali; Sekolah Menengah Tanjong Maya dan SM RIPAS, Tutong.

Ia untuk menggalakkan penuntut membina perbendaharaan kata dan pengetahuan dalam bahasa Inggeris melalui pembacaan serta ejaan yang tepat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Education Project Manager at CfBT, Jennyfer Townsend dan Mr. Colm Francis Mark Gallagher dari International Coach for Numeracy.

Sebelum pertandingan dimulakan, bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dibacakan oleh Awang Ashadi bin Haji Kassim, yang kemudiannya diikuti dengan ucapan daripada Pengerusi pertandingan, Ketua Jabatan



PENGETUA SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh menyampaikan hadiah kepada pemenang (kiri). Sementara gambar kanan, antara peserta yang menyertai Pertandingan Spelling Bee.

Bahasa Inggeris SM RIPAS, Dayang Farouz binti Haji Salam dan Timbalan Pengetua Akademik SM RIPAS, Dayang Hajah Roslani binti Haji Raffar.

Pertandingan dikendalikan oleh Guru-guru Bahasa Inggeris SM RIPAS, iaitu Gerard Drew, Simon Salkin dan Wilma Grant.

Peserta bertanding dalam dua kategori, iaitu Junior Category (Tahun 7) dan Intermediate Category (Tahun 9).

Juara bagi Junior Category (Tahun 7) disandang oleh Jasmine Lim Chuey Ping dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali; naib johan ialah Awang Muhammad Khairul Alif bin Haji Sirat dari Sekolah Menengah Rimba II dan tempat ketiga jatuh kepada Dayang Umami Nasuha binti Mohammad Azen dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Bagi Intermediate Category (Tahun 9) pula, johan disandang



Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong

oleh Dayang Amirah Hanisah binti Razali dari SM RIPAS; sementara naib johan ialah Dayang Batrisyia Najihah binti Safri dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong dan tempat ketiga jatuh kepada Dayang Nur Atiqah Nabilah binti Haji Mohd. Noramin dari

SM RIPAS.

Piala rebutan dimenangi oleh SM RIPAS buat pertama kalinya.

Hadiah bagi para pemenang disampaikan oleh Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh.



PEMANGKU Penolong Pengarah Pengajian Islam (Profesional), JPI, Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin hadir selaku tetamu kehormat pada Program Hayya Bilarabiah.



ANTARA aktiviti yang dijalankan.

Program Hayya Bilarabiah bentuk keyakinan pelajar

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 November. - Program Hayya Bilarabiah merupakan salah satu aktiviti sekolah-sekolah Arab melalui penyelarasan Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Program tersebut berperanan untuk membentuk keyakinan para pelajar dan penglibatan pelajar secara menyeluruh serta komitmen tinggi terhadap aktiviti yang dijalankan membolehkan pelajar menimba ilmu pengalaman.

Di samping meningkatkan keterlibatan guru-guru Bahasa Arab khususnya dalam aktiviti kokurikulum, ia juga dapat mendorong para guru dan pelajar untuk berkomunikasi dengan

menggunakan bahasa Arab dalam *baiah arabiah* yang diwujudkan melalui aktiviti-aktiviti dalam program berkenaan.

Majlis pelancaran program tersebut diadakan di Auditorium 1, Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMP RIPAHS), Kampung Katok.

Pemangku Penolong Pengarah Pengajian Islam (Profesional), JPI, Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Ia bertujuan untuk menyuntik, mendidik, mengasuh dan memupuk minat pelajar-pelajar bertutur dalam bahasa Arab; meningkatkan keupayaan

pertuturan mudah dalam bahasa Arab; membina sahsiah serta keyakinan diri pelajar ke arah generasi cemerlang dan terbilang serta meningkatkan kerjasama di antara guru dan pelajar.

Dalam ucapan Ketua Unit Sekolah Arab, Bahagian Kokurikulum, Dayang Hajah Hamdiah binti Haji Awang Salleh, antara lain menyatakan program itu berperanan untuk membentuk keyakinan para pelajar, yang mana penglibatan mereka secara menyeluruh dan komitmen tinggi terhadap aktiviti yang dijalankan membolehkan mereka menimba pengalaman.

Menurutnya, program dilaksanakan di antara bulan Oktober 2017 sehingga bulan September 2018 di semua sekolah Arab mengikut jadual yang disusun.

40 guru melawat Syarikat Mahkota Crystal



PEGAWAI Pelajaran Kanan Unit Akademik, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Afsah binti Kurus menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Pengurus Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 November. - Seramai 40 guru dan 15 pemimpin sekolah daripada 15 buah sekolah menengah kerajaan dan 10 orang pegawai dari Unit Akademik Jabatan Sekolah-Sekolah baru-baru ini melawat ke Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), antara

sekolah menengah terlibat adalah Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin; Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali; Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar; Sekolah Menengah Menglait; Sekolah Menengah Katok; Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab; Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam; Sekolah Menengah

Masin; Sekolah Menengah Sayyidina Husain; Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Sufri Bolkih; Sekolah Menengah Muda Hashim dan Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

Kehadiran rombongan dialu-alukan oleh Pengurus Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd., Dayang Joanna binti Dato Haji Danial, yang mana beliau menyampaikan taklimat ringkas mengenai syarikat berkenaan dan diikuti dengan taklimat keselamatan sebelum rombongan beredar ke kilang untuk melihat proses penghasilan produk kristal yang dibuat oleh staf tempatan dan seterusnya melawat ke galeri pameran, di mana hasil produk kristal dipamerkan untuk dijual.

Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd. mula beroperasi pada tahun 2000 dan menghasilkan produk kristal yang berkualiti tinggi sebagai cenderamata seperti hiasan rumah, aksesori, mangkuk, pasu, arca dan sebagainya.

Rombongan lawatan diketuai oleh Pegawai Pelajaran Kanan

Unit Akademik, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Afsah binti Kurus.

Lawatan tersebut adalah inisiatif Unit Akademik, Jabatan Sekolah-Sekolah bertujuan untuk mendedahkan pemimpin sekolah menengah, guru Program Pra-Vokasional dan guru Program PEARSON BTEC mengenai industri penghasilan produk-produk kristal yang pertama di negara ini.

Selain itu, lawatan juga bertujuan untuk membolehkan guru-guru mengenal pasti kemahiran kerja, peluang latihan penempatan kerja jangka pendek dan peluang pekerjaan bagi pelajar selepas tamat persekolahan.

Dayang Afsah selaku ketua rombongan menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Pengurus Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd.



LAWATAN ke kilang kristal untuk menyaksikan proses penghasilan produk kristal yang dibuat oleh staf tempatan sambil mendengar penerangan daripada pengurus syarikat.

Kepentingan sijil dan label halal di kantin institusi pendidikan swasta

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 November. - Taklimat mengenai Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, melalui Bahagian Pendidikan Swasta dengan usaha sama Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) kali ini menyasarkan para pemimpin sekolah serta pengusaha-pengusaha kantin institusi pendidikan swasta bagi Daerah Belait dan Tutong.

Sesi taklimat yang diadakan di Dewan Persidangan Utama, Dewan Baharu, Kementerian Pendidikan, Berakas adalah untuk memberikan pemahaman tentang

kepentingan sijil halal dan label halal di kantin-kantin setiap institusi pendidikan swasta.

Dalam taklimat berkenaan, pegawai-pegawai dari BKMH menerangkan bahawa dasar pindaan Perintah Sijil Halal dan Label Halal tersebut mewajibkan permohonan sijil halal dan permit halal ke atas pemilik-pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, pindaan tersebut meluaskan skop pensijilan halal secara sukarela kepada produk perubatan (*non-oral*), produk kosmetik, baranggunaan dan perkhidmatan (logistik).

Sementara itu, penalti kesalahan menurut Bab 49A Perintah



TAKLIMAT disampaikan oleh salah seorang pegawai dari Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

tersebut - Menteri atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu boleh mengkompaun sebarang kesalahan terhadap perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun / *compoundable offences* dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi \$500.

Setelah mematuhi sebarang syarat tersebut dan setelah

membayar jumlah wang tersebut, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu.

Taklimat juga menyatakan, tarikh pindaan dikuatkuasakan pada 26 Mei 2017 dan tempoh memohon bagi perniagaan yang beroperasi sebelum 26 Mei 2017, pemohon adalah diberikan peluang untuk memohon sehingga 26 November 2017.

Bagi perniagaan yang beroperasi semasa atau selepas 26 Mei 2017,

pemohon diberikan tempoh maksima enam bulan untuk memohon.

Dengan adanya sesi taklimat itu akan memberikan pemahaman ke atas dasar pindaan tersebut antaranya berkaitan dengan mewajibkan permohonan sijil halal dan permit halal ke atas pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam dan menjelaskan mengenai kesalahan-kesalahan dalam pensijilan halal.



Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kelebihan Melancong Dalam Negara'. Tarikh Tutup : 22 November 2017
2. 'Kepentingan Menjaga Kesehatan Mental'. Tarikh Tutup : 29 November 2017
3. 'Manfaatkan Cuti Persekolahan Dengan Aktiviti Berfaedah'. Tarikh Tutup : 6 Disember 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang

e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

MAKLUMAN

PERKHIDMATAN BERKHATAN MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN PENGAL KETIGA 2017

PENDAFTARAN

MULAI 18 HINGGA 25 NOVEMBER 2017

Jam : 8.15 pagi hingga 11.15 pagi & 2.00 petang hingga 3.30 petang (Hari Bekerja Sahaja)

Bertempat : Bekas Klinik Obstetrik & Ginekologi, Blok 3, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (berdepanan dengan kantin BKSS, Hospital RIPAS).

PERKHIDMATAN BERKHATAN

MULAI 27 NOVEMBER HINGGA 26 DISEMBER 2017

Bertempat : Bekas Klinik Obstetrik & Ginekologi, Blok 3, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (berdepanan dengan kantin BKSS, Hospital RIPAS).

PERHATIAN : Sila bawa anak biskita yang akan berkhatan, salinan surat beranak dan kad Bru-HIMs semasa membuat pendaftaran.

Kejohanan Bola Sepak Olimpik Khas Piala Borneo Lebih 150 atlet istimewa bersaing



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa beramah mesra dan menyampaikan plak kepada ketua pasukan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 November. - Lebih 150 atlet istimewa dari Negara Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak,

Wilayah Persekutuan Labuan dan Kalimantan bersaing dalam Kejohanan Bola Sepak Olimpik Khas Piala Borneo Ke-10 dan Kejohanan Bola Sepak Unified kali pertama anjuran Special Olympic Brunei Darussalam (SOBD).

Sebanyak 13 pasukan menyertai kejohanan kali ini di mana tujuh adalah dari pasukan Unified dan enam pasukan dari Olimpik Khas.

Kejohanan tersebut dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pengerusi Kejohanan Bola Sepak Olimpik Khas Piala Borneo Ke-10, Awang Haji Hamdan bin Ajak dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, kejohanan tersebut adalah khusus bagi individu-individu istimewa yang mempunyai kelemahan dari segi intelektual di rantau Borneo.

Kejohanan yang disempenakan dengan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta itu tambahnya juga akan menyaksikan Kejohanan Unified Borneo Cup lima sepasukan yang akan menampilkan tiga pemain Special Olympics dan dua pemain biasa yang julung kali diadakan di negara ini.

Dalam kejohanan *unified*, jelasnya, merupakan satu inisiatif Special Olympics yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada pemain Special Olympics yang kurang daya intelek, agar pemain biasa yang berkenaan akan dapat melatih dan bertanding bersama dalam satu pasukan.

Menurutnya, antara objektif kejohanan itu adalah untuk menentengahkan dan mengenalkan bahawa SOBD juga ada menjalankan beberapa aktiviti dan latihan sukan seperti bola sepak, *bocce*, badminton, boling, bola keranjang dan sebagainya untuk meningkatkan nilai sosial kehidupan, kebolehan dan menaikkan semangat kepada individu tersebut.

Dengan penganjuran kejohanan itu jelasnya, telah dapat memberikan beberapa kebaikan dan faedah serta keuntungan kepada individu-individu tersebut seperti memberi peluang bagi mewakili negara masing-masing ke luar negeri dalam acara sukan dan sebagainya supaya mereka dapat berjumpa dan berkenalan bagi mengeratkan lagi persahabatan dan di antara rakan-rakan mereka di rantau Borneo ini.

Perlawanan-perlawanan akan berlangsung bermula 16 November sehingga 18 November bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang diadakan pada sebelah pagi dan petang.

Perlawanan-perlawanan akan berlangsung bermula 16 November sehingga 18 November bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang diadakan pada sebelah pagi dan petang.



BACAAN ikrar daripada para peserta yang mengikuti kejohanan tersebut.

JIS juara bola jaring



Berita dan Foto :
Ihsan Awang Haji Mashadi bin Haji Judin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 November. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) menyandang juara setelah berjaya mengalahkan Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun dengan jaringan 13 - 3.

Kejohanan Bola Jaring Peringkat Akhir Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Kluster 2 bagi Tahun 2017 yang

dikelolakan oleh Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut berlangsung selama tiga hari di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Ia dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan diselenggarakan oleh Sekolah Rendah Bendahara Sakam selaku



PEGAWAI Kluster 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Sutinah binti Haji Ali selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pemenang (kiri). Sementara gambar atas, Dayang Sutinah menyampaikan piala kejohanan kepada Sekolah Antarabangsa Jerudong.

tuan rumah. Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pegawai Kluster 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Sutinah binti Haji Ali. Sebelum perlawanan peringkat

akhir, para jemputan juga menyaksikan perlawanan bola jaring di antara Sekolah Rendah Saba Darat menentang Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis bagi menentukan tempat ketiga.

Sukan

INFO SUKAN

KARATE adalah seni bela diri berasal dari Jepun yang melakukan serangan menerusi pergerakan mengelak badan dan / atau menyekat dan menyerang balas menggunakan tendangan tumbukan dan pukulan. Terdapat juga teknik sekatan dan 'takedowns', namun agak kurang digunakan. Ramai yang mengamalkan sukan ini sebagai seni bela diri dan juga sebagai satu cara untuk hidup sihat dan bersukan. Terdapat tiga elemen, iaitu Kihon (asas), Kata (latihan jurus) dan Kumite (sparring). Namun begitu, ketiga-tiga elemen ini tidak dilihat secara berasingan kerana mereka sering kali bertindih dan saling bergantung.



ePaper Pelita Brunei

Kejohanan Golf meriahkan Sambutan Hari Guru Ke-27



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyertai Kejohanan Golf Terima Kasih Cikgu sempena Sambutan Hari Guru Ke-27 Tahun 2017 (kiri). Sementara gambar atas, Yang Berhormat bergambar ramai bersama para peserta yang mengikuti kejohanan berkenaan.

Kejohanan Bola Jaring sempena Jubli Emas diteruskan



ANTARA aksi perlawanan di antara pasukan Red Butterfly (bib coklat) menentang pasukan Muara Vella (bib kelabu).

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 November. - Kejohanan Bola Jaring Terbuka sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta 2017 diteruskan lagi hari ini. Pada hari ketiga sesi pagi Kumpulan 'B', menyaksikan perlawanan di antara pasukan Kyoshi yang berjaya menewaskan pasukan Sixty9

dengan jaringan 53-32. Kejohanan anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA) itu berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini. Bagi Kumpulan 'A' pula, perlawanan di antara pasukan Red Butterfly bertemu Muara Vella yang berkesudahan Red Butterfly menang selesa dengan jaringan 51-23.

Manakala pada perlawanan seterusnya, Kumpulan 'B' menyaksikan pasukan antara Angel Net dengan Revival NC yang berakhir dengan Angel Net menang bergaya ke atas pasukan Revival NC dengan kiraan 59 - 27. Bagi perlawanan dalam Kumpulan 'A' juga menyaksikan pertemuan antara pasukan Strivers XOXO menentang Rejuven8 yang berkesudahan dengan Strivers XOXO menang ke atas Rejuven8 dengan jaringan 51-44.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Jumaat, 17 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum menganjurkan Kejohanan Golf Terima Kasih Cikgu sempena Sambutan Hari Guru Ke-27 Tahun 2017 selama tiga hari bermula hari ini. Hadir pada kejohanan yang berlangsung di Royal Brunei Golf and Country Club, di sini, itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. Kejohanan berkenaan dibukakan kepada semua warga yang sedang dan pernah berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama termasuk yang telah bersara dan

jemputan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa. Seramai 84 orang menyertai kejohanan yang dibahagikan kepada enam kategori iaitu Kategori VIP; Jemputan dan Penaja; Senior (60 tahun ke atas); Division 'A' (bagi handicap 0 - 12); Division 'B' (bagi handicap 13 - 18); dan Division 'C' (bagi handicap 19-24). Antara tujuan kejohanan tersebut diadakan ialah bagi memeriahkan Sambutan Hari Guru Ke-27 Tahun 2017, di samping mengenal pasti pemain dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan yang berkebolehan untuk mewakili kementerian berkenaan dalam acara-acara di peringkat kementerian, kebangsaan ataupun antarabangsa.

Tahukah Awda

RUMAH Tenun merupakan tempat bertenun yang dilengkapi dengan alat untuk bertenun. Ia diperbuat daripada kayu yang terdiri daripada bingkai kayu empat segi panjang, mempunyai bangku tempat duduk penenun dan penyandarannya, bahagian bawah tidak berlantai tetapi mempunyai bingkai kayu sebagai kedudukannya. Alat yang dipasang dalam rumah ini, seperti belida, bilah pengangkat, buluh penarikan, jantera / jantra, karap, lidi, lidi pengangkat bunga, papan penggulung, pasa, pelumakan, suri, tanglung, turus tenun dan untang-utang. **SUMBER** : Alat Perusahaan Tradisi dan Pertenunan, Alat Tradisi Brunei. Mauludiah Haji Md. Yusoff. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan, 2016.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ILMU ADALAH JIWA, HARTA YANG TIDAK AKAN HILANG DAN HABIS

دتریتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.